

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN AHMAD [ KANGAR ]**

**TARIKH : 18 MAC 2019**

**SOALAN : 45**

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pemberian taraf warganegara kepada kaum India yang berusia 60 tahun ke atas akan diperluas kepada kumpulan lain misalnya kaum Siam yang sudah lama menetap di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 dan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018, penganugerahan kewarganegaraan kepada pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) tanpa mengira kaum yang berumur 60 tahun dan ke atas, Kementerian sedang melaksanakan tindakan segera terhadap semua permohonan kewarganegaraan secara berperingkat dan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan permohonan kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah mengambil kira aspek kemanusiaan serta diperincikan daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti mana berikut:-

1. Memenuhi tempoh kemastautinan yang dikira daripada pegangan kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR);
2. Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang diukur melalui tiga (3) komponen Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) iaitu lisan, membaca dan menulis; dan
3. Berkelakuan baik yang dinilai melalui Tapisan Keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).